



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my
E-mel : jpn.wp@moe.gov.my

Rujukan Kami : JPWPKL.800-5/1/8 (3)
Tarikh : 26 Mac 2021

Pengetua
Sekolah Menengah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

PENCALONAN PELAJAR UNTUK BIASISWA BANK NEGARA MALAYSIA 2021

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam usaha untuk mendapatkan pencalonan murid cemerlang dalam Pentaksiran Bilik Darjah/Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Tiga pada sesi persekolahan tahun 2020 untuk dipertimbangkan pemberian Biasiswa Bank Negara Malaysia.

3. Biasiswa Bank Negara bagi pelajar lepasan Tingkatan 3, adalah ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Memperolehi sekurang-kurangnya 7A/TP 6 untuk subjek teras (tidak termasuk Pendidikan Islam/Pendidikan Moral) dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 3/Pentaksiran Bilik Darjah;
- iii. Penglibatan aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan sukan di peringkat negara/negeri/daerah;
- iv. Pendapatan kasar isi rumah tidak melebihi RM 2,000.00 sebulan; dan
- v. Tidak menerima sebarang tajaan daripada mana-mana pihak.

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan diminta untuk mengemukakan pencalonan pelajar yang menepati syarat-syarat di atas melalui laman sesawang <http://bit.ly/BIASISWABANKNEGARA2021>. Pencalonan pelajar tersebut hendaklah dilaksanakan sebelum atau pada 12 April 2021.

Rujukan Kami: JPWPKL.800-5/1/8 (3)

5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Muslim bin Mustapa, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui talian 03-62046085.


Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NAJIB BIN AB RAHMAN, KMW)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
b.p: Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k. : Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu
: Pegawai Pendidikan Daerah Keramat
: Pegawai Pendidikan Daerah Sentul